

Praktis ke arah PT3

Bahagian A

Pilih jawapan yang paling tepat.

3.1 Maksud Zaman Prasejarah

1 Mengapakah kajian terhadap Zaman Prasejarah dilakukan berdasarkan peralatan yang digunakan dan bukannya dalam bentuk tulisan?

KBAT

- A Tulisan sukar dibaca
- B Tulisan telah musnah
- C Tulisan belum dicipta
- D Tulisan pelbagai bentuk

2 Gambar berikut menunjukkan peralatan yang digunakan semasa Zaman Logam.

MS Teks 47



Apakah nama peralatan tersebut?

- A Sabit
- B Pisau
- C Kapak
- D Tulang mawas

3 Ilustrasi berikut menunjukkan peralatan yang digunakan oleh masyarakat Zaman Prasejarah.

MS Teks 47



Peralatan tersebut diperbuat daripada

- A besi
- B batu
- C kayu
- D tanah liat

3.2 Lokasi Zaman Prasejarah di Dunia

4 Tapak Zaman Prasejarah berikut berusia antara 18 000 hingga 11 000 SM.

MS Teks 49

Zhoukoudian, China

Rangka manusia yang ditemui di tapak tersebut dinamakan

- A Perak Man
- B Flores Man
- C Peking Man
- D Manusia Big Foot

3.3 Ciri-ciri Kehidupan Manusia Zaman Prasejarah

5 Apakah aktiviti yang dilakukan pada zaman berikut?

MS Teks 53 - 54

Zaman Paleolitik bermula kira-kira 2.5 juta hingga 8 000 SM.

- I Memungut hasil hutan
 - II Menggunakan alat batu
 - III Mencipta peralatan tembikar
 - IV Menjalankan kegiatan tukar barang
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

6 Apakah persamaan antara Zaman Paleolitik dengan Zaman Neolitik?

MS Teks 53 - 58

- I Kewujudan sistem sosial yang baik
 - II Kegiatan mengumpul makanan
 - III Menghasilkan lukisan gua
 - IV Penggunaan alatan batu
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

7 Maklumat berikut berkaitan dengan Zaman Prasejarah.

MS Teks 57

X

Mempercayai kehidupan selepas mati dan mayat diuruskan dengan teliti serta dikebumikan dengan sempurna.

Apakah X?

- A Zaman Paleolitik
- B Zaman Mesolitik
- C Zaman Neolitik
- D Zaman Logam

8 Apakah yang menjadi faktor perkembangan kegiatan ekonomi berikut?

MS Teks 55

KBAT

- Mengamalkan tukar barang
- Menjalankan kegiatan perdagangan

- I Memiliki tanah
 - II Bercucuk tanam
 - III Tinggal menetap
 - IV Amalan bergotong-royong
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

3.4 Kesinambungan Sumbangan Zaman Prasejarah kepada Kemajuan Kehidupan Manusia

9 Aktiviti pertanian giat dijalankan bermula pada Zaman Neolitik sebagai sumber makanan penting kepada manusia.

Apakah jenis tanaman yang diusahakan oleh masyarakat zaman tersebut?

- I Padi III Jagung
II Barli IV Lada hitam
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

10 Apakah yang menjadi faktor peralihan bahan pembuatan peralatan Zaman Prasejarah daripada batu, kayu dan tulang haiwan kepada gangsa dan besi?

- I Pengetahuan tentang suhu pembakaran
II Pengetahuan tentang campuran logam
III Pengetahuan tentang seni bina alatan
IV Pengetahuan tentang nilai estetika
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

11 Teknologi membuat tembikar bermula sejak Zaman Prasejarah sehingga kini. Apakah kegunaan tembikar semasa Zaman Prasejarah?

- I Menjadi lambang kekayaan
II Sebagai alat menyimpan perhiasan
III Dijadikan bekas menyimpan makanan
IV Digunakan sebagai peralatan masakan
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

3.5 Zaman Prasejarah di Malaysia

12 Apakah Zaman Prasejarah yang dilalui oleh Malaysia?

- I Zaman Logam III Zaman Purba
II Zaman Neolitik IV Zaman Peralihan
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

13 Maklumat berikut berkaitan dengan Zaman Prasejarah di Asia Tenggara.

X
Sempena nama satu tempat di utara Vietnam, iaitu Hoa-binh.

Apakah X?

- A Zaman Paleolitik C Zaman Neolitik
B Zaman Mesolitik D Zaman Logam

14 Antara berikut, yang manakah merupakan lokasi Zaman Logam di Malaysia?

- I Tingkayu, Sabah
II Sungai Tembeling, Pahang
III Lembah Bernam, Selangor
IV Bukit Tegun Lembu, Perlis
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

15 Apakah ciri-ciri masyarakat Zaman Prasejarah di lokasi berikut?

Negeri	Lokasi
Sabah	Gua Tapadong
Pahang	Gua Kecil

- I Mempunyai ketua
II Mencipta peralatan logam
III Mempunyai pegangan agama
IV Membentuk pembahagian sosial
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

16 Ilustrasi berikut menunjukkan artifak tembikar yang ditemui oleh ahli arkeologi.



Di manakah artifak tersebut ditemui?

- A Gua Niah C Bukit Bunuh
B Bukit Jawa D Gua Harimau

17 Apakah persamaan kegiatan yang masih diamalkan di lokasi berikut?

- Tingkayu, Sabah
- Lembah Mansuli, Sabah

- A Menternak binatang
B Memungut hasil hutan
C Menjalankan perdagangan
D Mencipta peralatan perhiasan

18 Ilustrasi berikut menunjukkan alat batu yang digunakan oleh masyarakat Zaman Prasejarah.



Apakah kegunaan peralatan tersebut?

- A Menuai padi C Menggali tanah
B Meraut kayu D Mengetam kayu